



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KESUKAAN MEMILIH MEDIA CETAK DALAM
PENGAJARAN PUISI DI KALANGAN GURU SEKOLAH
MENENGAH DI DAERAH HULU LANGAT**

SALIHA BT MANSOR

FPP 1997 3

KESUKAAN MEMILIH MEDIA CETAK DALAM
PENGAJARAN PUISI DI KALANGAN GURU SEKOLAH
MENENGAH DI DAERAH HULU LANGAT.

Oleh

SALIHA BT MANSOR

Projek Lajaran ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian
daripada syarat-syarat untuk mendapatkan Ijazah Mastor
Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti
Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

April 1997



PENGHARGAAN

DI NGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PENGASIH LAGI MAHA PENYAYANG.

Segala puji-pujian hanya bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Atas limpah kurniaNya dapatlah saya menyiapkan tulisan ilmiah ini walaupun menghadapi pelbagai rintangan.

Sebagai penghargaan, diucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Naim Hj. Ahmad, selaku penyelia yang telah banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar serta panduan yang amat berguna dalam usaha saya untuk menyiapkan tulisan ilmiah ini. Segala usaha dan pengorbanan masabeliau itu akan tetap abadi dalam ingatan saya dan merupakan suatu pengalaman akademik yang tidak ternilai harganya.

Terima kasih juga kepada Prof. Madya Hj. Taha Ab. Kadir dari Fakulti Pengajian Bahasa Moden yang telah sudi meluangkan masa untuk menyemak kertas soal selidik yang disediakan dari segi bahasa dan validiti kandungannya. Tidak ketinggalan juga kepada Guru Besar dan guru-guru Kesusastraan Melayu di Sekolah Menengah Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan yang telah memberikan kerjasama yang jitu bagi kajian saya ini. Tidak lupa juga i

kepada Pn. Zainab yang turut bertungkus lumus menaip tulisan ilmiah ini sehingga selesai.

Seterusnya sebagai tanda kasih abadi buat ayahanda tersayang (Allahyarham Hj. Mansor) yang tidak sempat bersama melihat kejayaan anaknya ini dan kepada bonda Hajjah Esah yang sentiasa mendoakan kejayaan anakanda.

Akhir sekali, penyempurnaan tulisan ilmiah ini hanya dapat menjadi kenyataan kerana sokongan dan restu daripada suami tercinta Hj. Sidek bin Miko serta anak-anak yang sedia memahami; Khairiyah, Siti Liana, Sakinah, Asma, Fatimah, Muhammad Imran dan Muhammad Adam.

Kepada kalian, penulis mengabadikan tulisan ilmiah ini. Semoga Allah memberikan kebahagiaan dan kesejahteraan di dunia dan di akhirat.

KANDUNGAN

Halaman

PT NGHAIKGAAAN	ii
KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	x
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xiv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN	1
1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN	5
1.2.1 Matlamat Dan Objektif Pendidikan Kesusastraan Melayu	7
1.2.2 Tujuan Dan Objektif Pendidikan Puisi	12
1.3 KERANGKA TEORITIKAL	15
1.4 PERNYATAAN MASALAH	18
1.5 OBJEKTIF KAJIAN	20
1.6 persoalan KAJIAN	21
1.7 KEPENTINGAN KAJIAN	22
1.8 BATASAN KAJIAN	23
1.9 DEFINISI OPERATIONAL	24
1.9.1 Kesukaan	25
1.9.2 Memilih	25
1.9.3 Media	25
1.9.4 Media Cetak	26
1.9.5 Pengajaran	28
1.9.6 Puisi	29

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN	31
2.2 FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENCAPAIAN PENGAJARAN	32
2.2.1 Persepsi	33
2.2.2 Memori dan Kognitif	38
2.2.3 Sikap	42
2.2.4 Perhubungan Antara Individu ..	45
2.3 SEJARAH PENGGUNAAN MEDIA DALAM PENGAJARAN	48
2.4 KATEGORI MEDIA	53
2.5 PEMILIHAN MEDIA DALAM PENGAJARAN ...	55
2.6 KEBAIKAN PENGGUNAAN MEDIA PENGAJARAN	59
2.6.1 Kebaikan Penggunaan Media Cetak	60
2.7 PENDEKATAN, KAEDAH DAN TEKNIK PENGAJARAN KESUSASTERAAN MELAYU	63
2.7.1 Pendekatan	63
2.7.2 Pendekatan Struktural	64
2.7.3 Pendekatan Mengalami-Menghayati	67
2.7.4 Pendekatan Berfokus	70
2.8 KAJIAN YANG BERKAITAN DENGAN PENGGUNAAN MEDIA CETAK DALAM PENGAJARAN.....	74

BAB 3 METODOLOGI

3.1 PENGENALAN	83
3.2 REKA BENTUK KAJIAN	83
3.3 RESPONDEN	84
3.4 INSTRUMEN KAJIAN	85

3.4.1	Soal Selidik	85
3.4.1.1	Item-item Dalam Soalan	86
3.4.2	Temu Bual	88
3.5	CARA PENYELIDIKAN DIJALANKAN	88
3.6	PENGUMPULAN DAN PENGANALISISAN DATA	89
3.7	KESIMPULAN	89

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	PENGENALAN	91
4.2	LATAR BELAKANG RESPONDEN	91
4.2.1	Jantina	91
4.2.2	Umur	92
4.2.3	Pengalaman Mengajar	93
4.2.4	Kelulusan Kesusastraan Melayu di Peringkat SPM dan STPM ...	93
4.2.5	Kelayakan Iktisas	95
4.2.6	Pengalaman Memeriksa Kertas ..	96
4.2.7	Pendedahan Kursus	96
4.2.8	Kesimpulan	97
4.3	JENIS MEDIA CETAK YANG MENJADI KESUKAAN GURU	99
4.4	KESUKAAN GURU MEMILIH MEDIA CETAK ...	105
4.4.1	Kesimpulan	113
4.4.2	Perkaitan Antara Persepsi Guru Terhadap Pemilihan Media Cetak Dengan Faktor Demografi	113
4.4.2.1	Persepsi dan Umur ...	114
4.4.2.2	Persepsi Dan Pengalaman Mengajar..	115

4 . 5 KAEDAH PENGAJARAN GURU YANG MENGGUNAKAN MEDIA CETAK DALAM PENGAJARAN PUISI	115	
4 . 5 . 1 Kesimpulan	120	
BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN		
5 . 1 PENGENALAN	122	
5 . 2 OBJEKTIF, persoalan DAN KEPENTINGAN KAJIAN	122	
5 . 3 RESPONDEN DAN KAEDAH	123	
5 . 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN	124	
5 . 4 . 1 Latar Belakang Responden	124	
5 . 4 . 2 Jenis Media Cetak Yang Menjadi Kesukaan Guru	125	
5 . 4 . 3 Kesukaan Guru Memilih Media Cetak	128	
5 . 4 . 4 Perkaitan Antara Persepsi Guru Terhadap Pemilihan Media Cetak Dengan Faktor Demografi	132	
5 . 4 . 5 Kaedah Pengajaran Guru	132	
5 . 5 KESIMPULAN	135	
5 . 6 CADANGAN DAN PENUTUP	138	
BIBLIOGRAFI		142
LAMPIRAN A : Soal Selidik	148	
LAMPIRAN B : Soalan Temu Bual	159	

SENARAI JADUAL

JADUAL	Halaman
1. Sifat-sifat Media pengajaran Untuk Pemilihan	57
2. Cara-cara Memilih Media Cetak Dari Ciri-ciri Media mengikut Objektif, Saiz dan Kumpulan Penuntut	58
3. Bilangan Responden mengikut Jantina	92
4. Bilangan Responden mengikut Umur	92
5. Pengalaman Mengajar	93
6. Taburan Guru Mengikut Kelulusan Kesusastraan Melayu di Peringkat SPM ..	94
7. Taburan Guru Mengikut Kelulusan Kesusastraan Melayu di Peringkat STPM .	95
8. Kelayakan Iktisas	95
9. Pengalaman Memeriksa Kertas	96
10. Pendedahan Kursus Dalam Perkhidmatan ...	97
11. Taburan Kekerapan Memilih Media Dalam pengajaran Puisi	100
12. Taburan Kekerapan Memilih Media Cetak Dalam Pengajaran Puisi	102
13. Taburan Kekerapan Memilih Media Cetak Dalam Pengajaran Genre Puisi Melayu Moden	103
14. Taburan Kekerapan Memilih Media Cetak Dalam Pengajaran Genre Puisi Melayu Lama	104
15. Taburan Skor Persepsi Guru Terhadap Pemilihan Media Cetak	106
16. Faktor Kesukaan Guru Memilih Media Cetak	107
17. Jenis Pendekatan	116
18. Kaedah Pengajaran	117

19.	Penggunaan Media Cetak Dalam Langkah Pengajaran	118
20.	Penggunaan Media Elektronik Dalam Langkah Pengajaran	119
21.	Masalah Dalam Pemilihan dan Penggunaan Media	120

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
1. Model Pengajaran-Pembelajaran Di Bilik Darjah Dunkin & Biddle	17
2. Pendekatan Berfokus	1.5

x

Abstrak kertas projek yang dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat keperluan untuk ijazah Master Sains.

KESUKAAN MEMILIH MEDIA CETAK DALAM
PENGAJARAN PUISI DI KALANGAN GURU SEKOLAH
MENENGAH DI DAERAH HULU LANGAT.

Oleh

SALIHA BT MANSOR

April 1997

Penyelia Naim Hj. Ahmad, Ed. D.

Fakulti Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan meninjau kesukaan memilih media cetak dalam pengajaran puisi di kalangan guru-guru sekolah menengah, di samping mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan media cetak tersebut.

Seramai 20 orang guru dari 12 buah sekolah yang menawarkan mata pelajaran Kesusteraan Melayu di daerah Hulu Langat, Selangor telah menjadi responden kajian ini. Coal selidik dan temubual telah digunakan bagi pengumpulan data dan analisa dibuat dengan menggunakan kaedah statistik seperti kekerapan, peratusan, min dan juga korelasi Pearson.

Pada umumnya guru lebih ramai memilih media cetak dalam pengajaran puisi berbanding media elektronik. Media cetak yang menjadi kesukaan mereka ialah buku teks, bahan stensilan, buku ulasan dan buku kerja di samping gambar, keratan akhbar, majalah dan lain-lain.

Hasil kajian mendapati bahawa persepsi responden terhadap kebaikan atau kelebihan penggunaan media cetak merupakan faktor utama yang mempengaruhi pemilihan media cetak dalam pengajaran puisi. Buku teks menjadi media cetak pilihan utama dan paling kerap digunakan oleh responden. Umur responden tidak mempengaruhi persepsi pemilihan media cetak, namun faktor pengalaman mengajar ada memberi kesan terhadap persepsi pemilihan media cetak.

Media cetak yang dipilih digunakan di dalam kelas dengan menggunakan pelbagai pendekatan. Kesemua tiga jenis pendekatan yang diperkenalkan dalam pengajaran Kesusastraan Melayu digunakan oleh guru-guru. Begitu juga dengan kaedah pengajaran; kaedah yang paling kerap digunakan ialah kaedah membaca teks dan memahami serta kaedah membaca teks dan berbincang. Media cetak ini juga paling banyak digunakan dalam penyampaian isi, berbanding dalam langkah-langkah pengajaran yang lain.

Walaupun guru-guru suka memilih media cetak dalam pengajaran puisi, namun mereka tetap bersetuju agar penggunaan media elektronik dimajukan selaras dengan hisrat negara menuju Wawasan 2020. Namun pelbagai langkah patut dilakukan bagi mengatasi masalah yang ada dalam penggunaan media elektronik di samping terus memajukan penggunaan media cetak.

An abstract of the project presented to the Senate
of University Pertanian Malaysia as partial fulfillment
of the requirements for the degree of Master of Science.

THE PREFERENCE TO CHOOSE THE PRINT MEDIA
AMONG SECONDARY SCHOOL TEACHERS IN THE TEACHING
OF POETRY AT THE HULU LANGAT DISTRICT.

by

SALIHA MANSOR

APRIL, 1997

Supervisor : Naim Hj. Ahmad, Ed. D.

Faculty : Educational Studies

The objective of this study is to survey the preference among secondary school teachers to choose the print media in the teaching of poetry, as well as to identify the factors influencing their choice.

A total of 20 teachers from 12 schools in the Hulu Langat District which offered Malay Literature, were respondents in this study. Questionnaires and interviews were used to collect the data, and an analysis was made based on statistics - such as the frequency, percentage, min as well as Pearson's correlation.

Teachers in general, preferred the print media as compared to the electronic

Their preference in the print media were text books, stencils, reference and work books besides posters, paper

cuttings, magazines and other printed materials.

It was gathered that the main factor influencing their choice was the perception of the respondents towards the advantages and benefits of using printed material. Text books seemed to be their main choice and this was frequently used by the respondents. The age factor of the respondents did not seem to have any bearing of their perception choice towards the print media, however their teaching experience did indicate some effect.

The printed material of their choice was used in the class, with various different approaches. All the 3 approaches which were introduced in the teaching of Malay Literature were used by the teachers. Similarly with teaching approaches, the most frequent approach practised was by reading and understanding the text as well as reading and discussing it. The print media is also frequently used as a means of delivering the contents in comparison to other methods of teaching.

Although the teachers preferred to use of the print media to teach poetry, nevertheless they agreed that the use of the electronic media should be encouraged in line with the aim of the country to achieve Vision 2020. Several steps should be taken to overcome the existing problems in the use of the electronic media, while continuing to encourage the use of the print media.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pengajaran puisi sebagai satu daripada bahan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu peringkat sekolah menengah di Malaysia, dapat dianggap program tahun awal kemerdekaan. Ini menunjukkan jalur perkembangan yang dilaluinya dalam proses pengajaran dan pembelajaran masih baru. Oleh yang demikian, kesan yang timbul daripada pengajaran dan pembelajaran ini masih belum ketara berkesan ataupun berhasil menemukan tradisi yang kukuh terhadap hakikat dan fungsi pengajaran puisi.

Akibatnya, sehingga kini pengajaran puisi dilingkari oleh pelbagai masalah. Ini dapat dilihat dengan jelas dalam perancangan serta penyusunan sukanan pelajaran, buku teks dan panduan guru, iaitu tiga faktor penting yang menjadi landasan dasar pengajaran dan pembelajaran puisi itu.

Program pengajaran mata pelajaran Kesusasteraan Melayu yang merangkumi bahan puisi sejak tahun awal kemerdekaan, terlaksana tanpa sukanan pelajaran. Yang ada hanyalah ‘Sukanan Pelajaran Peperiksaan

Kesusasteraan Melayu' untuk Tingkatan IV, V dan VI. Penyediaan atau penyusunannya berdasarkan buku teks yang diwajibkan. Dalam buku tersebut secara tidak langsung dipaparkan isi sukan pelajaran dan objektifnya. Di sini termasuklah mengenal, memahami, menilai dan mengkritik ciptaan sastera, iaitu aspek yang akan dikemukakan dalam soalan peperiksaan. Sehubungan dengan inilah maka isi buku teks puisi dan soalan peperiksaan tertangkap secara automatik membayangkan kemahiran yang perlu diberikan dalam pengajaran.

Pada awal tahun 80-an, satu cara telah ditemukan untuk memantapkan pengajaran puisi atau Kesusasteraan Melayu umumnya. Ini berikutan dengan berhasilnya pihak Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia menyusun dan menerbitkan "Sukan Pelajaran Kesusasteraan Melayu Tingkatan IV-V". Begitu juga "Sukan Pelajaran Kesusasteraan Melayu Tingkatan I-III". Kedua-dua sukan pelajaran tersebut ternyata pula mempunyai matlamat serta objektif yang tegas, jelas dan sesuai, iaitu untuk memberikan kemahiran akademik di samping pemupukan nilai kerohanian.

Meskipun demikian, perkembangan yang dijanjikan itu masih dibayangi oleh amalan serta kecenderungan lama. Pengajaran puisi peringkat Tingkatan IV dan V misalnya, terus dikuasai oleh matlamat untuk memenuhi keperluan

perperiksaan semata-mata. Dengan keperluan ini menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih memberikan penekanan kepada isi atau aspek teknik, yang berhubung langsung dengan kefahaman dan ingatan. Amalan begini menimbulkan dua kesan yang semacam mengabaikan hakikat dan fungsi pengajaran puisi. Pertama, pengajaran tidak berhasil menghidupkan minat pelajar, sebaliknya, berlangsung dengan suasana yang begitu kaku serta membosankan kerana terdapat unsur paksaan untuk memperoleh kemahiran. Kedua, tujuan pengajaran puisi yang mengutamakan perkembangan afektif, iaitu pembentukan sikap, daya pemikiran kritis dan kreatif serta daya penghayatan, kurang diberikan perhatian. Akibatnya, terabai pulalah kesedaran untuk mengisi keinginan pelajar memperluaskan rasa ingin tahu dan memperkuat jangkauan imaginasinya.

Untuk melaksanakan pengajaran puisi melalui sukanan pelajaran yang telah disusun itu, amat bergantung pula kepada penyediaan serta pemilihan buku teks yang diasaskan kepada kesesuaianya dengan dua faktor penting. Pertama, dengan latar, pengalaman dan minat pelajar dalam setiap peringkat persekolahan. Kedua, dengan aspirasi negara, iaitu negara Malaysia yang pelbagai kaum. Ini tentunya memerlukan buku teks yang mengandungi nilai kewarganegaraan, semangat kebangsaan, tanpa mengorbankan kebebasan dunia kreativiti dan keindahan pengucapannya.

Dalam proses penyediaan serta pemilihan untuk buku teks puisi, kerap kali menemui masalah. Ini terutamanya kerana pemilihan buku teks tersebut ditumpukan secara langsung kepada buku puisi yang ada dalam pasaran. Puisi yang terkumpul dalam buku seperti itu, dasar penciptaannya lebih didorong oleh kebebasan cita rasa penyairnya bukan secara sedar untuk keperluan bahan pengajaran puisi. Akhirnya kesan pemilihan yang dilakukan kurang mencapai kedudukan ‘tepat-guna’ dan ketidaksesuaianya masih dirasakan.

Bahan panduan guru, terutamanya pendekatan atau kaedah pengajaran Kesusasteraan Melayu, sama pentingnya dengan penyusunan sukanan pelajaran dan pemilihan buku teks. Namun sehingga kini, walaupun ada, ternyata kurang disediakan secara lengkap dan jelas. Kekurangan ini mula diisi oleh pihak Pusat Perkembangan Kurikulum dengan menerbitkan buku panduan yang dinamakan ‘Kaedah Berfokus’, iaitu kaedah tersendiri untuk cuba diperkenalkan. Selain itu, dalam pasaran terdapat juga bahan berbentuk buku, makalah dan kritikan disediakan oleh tokoh pendidikan yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu. Bahan-bahan itu secara agak terperinci membincangkan serta menyarankan garis panduan untuk digunakan dalam pengajaran. Antaranya buku ‘Prinsip dan Kaedah Mengajar Kesusasteraan Melayu’ (1981)

oleh Azman Wan Chik. Tetapi bahan-bahan tersebut masih jauh daripada memenuhi keperluan guru-guru kesusasteraan.

Oleh itu sesuatu perlu dilakukan terutama dalam menentukan matlamat pendidikan puisi di sekolah-sekolah tercapai. Salah satu cara ialah kaedah pengajaran guru dengan menggunakan media-media tertentu. Penggunaan media amat penting kerana media memberi keberkesanan yang lebih dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan media cetak juga boleh digunakan kerana media cetak mempunyai beberapa kelebihan.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua, sekolah-sekolah di Malaysia telah menggunakan media sebagai alat bantu dalam pengajaran. Ini termasuklah penggunaan gambar, buku teks, peta-peta dan sebagainya sebagai alat pandang dengar. Pada tahun 1949, sebuah jawatankuasa alat pandang dengar peringkat persekutuan telah ditubuhkan. Ini diikuti dengan penubuhan jawatankuasa Alat Pandang Dengar dan Pusat Alat Pandang Dengar pada peringkat negeri. Seorang setiausaha khas juga dilantik pada tahun 1956 bagi mengendalikan kerja-kerja yang bersangkutan dengan Alat Pandang Dengar.

Unit Alat Pandang Dengar diletakkan di bawah bahagian Latihan Perguruan Kementerian Pendidikan. Pusat Daerah Alat Pandang Dengar pula ditubuhkan pada tahun 1963, apabila Unit Alat Pandang Dengar diletakkan di bahagian sekolah-sekolah. Di samping itu, kursus dalam perkhidmatan diadakan untuk faedah para guru. Dengan perkembangan dalam bidang sains dan teknologi, maka teknologi dalam pendidikan juga turut berkembang dengan Alat Pandang Dengar merupakan salah satu cabangnya. Dalam bidang pendidikan, bentuk-bentuk komunikasi yang bercorak bahan-bahan cetak dan Alat Pandang Dengar digunakan bersama teknologinya (Jamaldin, 1982:28).

Media yang juga merupakan alat bantu dalam pengajaran mempunyai potensi untuk menimbulkan minat dalam projek-projek pembangunan, perguruan dan sebagainya. Kenyataan ini diakui oleh jawatankuasa mengkaji penggunaan Bahasa Malaysia (1981) yang antara lain menyatakan bahawa Alat Bantu Mengajar (ABM) boleh menimbulkan rangsangan dan keinginan pelajar untuk mengetahui lebih terperinci akan isi pengajaran. Ini kerana pembelajaran merupakan satu proses yang cergas, perlu dirangsang dan dibimbing ke arah matlamat yang dingini (Mat Nor Hussin dan Abd. Rahman Abd. Rashid, 1988).

Pendapat di atas juga dipersetujui oleh Hajah Ridzuan bt. Ahmad dan Rabiatul Adawiyah bt. Hashim, dalam kertas kerjanya yang bertajuk 'Penilaian dan Pemilihan Alat dan bahan Pengajaran Bahasa Malaysia' mereka menyatakan bahawa satu daripada fungsi alat dan bahan bantu mengajar adalah untuk memberi rangsangan (1989:1). Oleh itu sekiranya pemilihannya tepat, pembelajaran akan lebih menyeronokkan. Situasi pengajaran yang menyeronokkan ini akan memudahkan perlaksanaan penyampaian dan meninggalkan kesan yang lebih mendalam.

1.2.1 Matlamat Dan Objektif Pendidikan Kesusastraan Melayu.

Bagi menentukan matlamat pendidikan Kesusastraan Melayu tercapai, maka ia berlandaskan kepada matlamat pendidikan Malaysia seperti yang digariskan oleh dasar Pendidikan Kebangsaan. Hal ini tercatat dalam Akta Pelajaran 1961, yang menjelaskan:

"Bahwasanya bahawa dasar pelajaran seperti yang diisyiharkan dalam Ordinan Pelajaran 1957 ialah untuk menubuhkan dalam sistem pelajaran yang akan dapat memenuhi keperluan negara dan menggalakkan perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politiknya."

(Kementerian Pelajaran Malaysia, 1983)

Oleh itu kita dapati dasar pelajaran di Malaysia telah dibentuk untuk memenuhi kehendak negara dalam pelbagai aspek, khasnya bidang kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik.

Matlamat pendidikan Malaysia ditentukan oleh tujuan pemerintah mengikut aspirasi rakyat, iaitu untuk melahirkan ahli-ahli masyarakat yang tebal dengan kesedaran, keperibadian dan berpegang kepada nilai-nilai sebagai rakyat Malaysia. Mata pelajaran Kesusastraan bukan sahaja menyediakan pengetahuan dan kemahiran kreatif kepada para pelajar, tetapi juga memberi peluang untuk mereka menikmati keindahan serta kehalusan sastera itu sendiri. Ini bererti, mata pelajaran Kesusastraan Melayu diharapkan dapat membimbing para pelajar membina rasa kebanggaan, kepercayaan dan keyakinan diri serta membina semangat cintakan tanah air. Sehubungan dengan itu, matlamat pendidikan kesusastraan adalah bertujuan untuk:

1. Menanamkan semangat dan nilai-nilai kemanusiaan.
2. Menanamkan dan menyemarakkan semangat cintakan tanah air dengan memperkenalkan unsur-unsur kebudayaan kebangsaan.
3. Mendidik pelajar-pelajar mengamalkan keperibadian yang seimbang dalam

- mewujudkan peranannya sebagai anggota masyarakat.
- 4.. Melahirkan individu-individu yang berminat dan mengenali karya-karya yang bermutu.
 - 5.. Memupuk bakat pelajar untuk menghasilkan karya dan membuat penilaian terhadap karya-karya sastera sesuai dengan kemampuan mereka.
 - 6.. Menyuburkan perkembangan intelek, emosi, moral dan estetika sesuai dengan kewarganegaraannya.
 - 7.. Membantu daya wawasan dan pengamatan individu terhadap warisan bangsa dan warisan dunia seluruhnya dari segi budaya, institusi dan dinamik sosial masyarakat sekitarnya.
 - 8.. Menyuburkan daya asperasi imaginatif dan peka terhadap pelbagai sudut pandangan supaya ia menjadi lebih inisiatif, mahir, cekap dan rasional.

Sebagai kesimpulan, pendidikan Kesusastraan Melayu adalah untuk membolehkan pelajar menghayati unsur dan nilai murni dari segi kerohanian, kemanusiaan, kebudayaan dan kemasyarakatan di samping membimbing pelajar untuk menghargai,